



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENOLONG PENGARAH PENGANGKUTAN DARAT (B.3)
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENOLONG PENGARAH PENGANGKUTAN DARAT
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360-\$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Automobil / Mekanikal / Pengangkutan / Pentadbiran atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pengangkutan Darat sebagai Penolong Pengarah Pengangkutan Darat atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

2. a) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Pengangkutan Darat sebagai Penolong Pengarah Pengangkutan Darat atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- b) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding selama tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai salah satu Bahagian di dalam Jabatan;
2. Membantu Pengarah dan Timbalan Pengarah dalam melaksanakan hal ehwal pentadbiran, pengurusan dan strategik, perancangan dan pelaksanaan serta penilaian fungsi utama Bahagian;
3. Membantu merancang dan memantau peruntukan / perbelanjaan tahunan serta penggunaan peruntukan Bahagian;
4. Membuat perancangan dan menyediakan kertas kerja yang tertentu ke arah mempertingkatkan perkhidmatan Jabatan;
5. Membuat perancangan dan menyelidiki mengenai perkembangan dan pembangunan Jabatan yang berkaitan dengan dasar, strategi dan program pendigitalan;
6. Merancang dan mengendali kerja-kerja dalam pengurusan serta pengendalian projek khususnya di bidang pengangkutan darat;
7. Sebagai pegawai rujuk dalam Bahagian yang diketuai serta membimbing pegawai dan kakitangan di bawah Bahagian masing-masing dari semasa ke semasa: dan
8. Melaksanakan arahan atau tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dan pihak atasan dari semasa ke semasa.